



KENYATAAN MEDIA

Untuk siaran segera

LAYANAN CUKAI PENGIKLANAN DIGITAL

Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) ingin menarik perhatian kepada isu layanan cukai ke atas pengiklanan digital yang mula diperkatakan baru-baru ini. Sebagaimana isu percukaian yang lain, isu bayaran pengiklanan digital akan ditentukan berdasarkan fakta sesuatu kes dan Akta Cukai Pendapatan 1967. Ingin ditegaskan bahawa LHDNM tidak ada mengeluarkan sebarang ketetapan khusus berhubung layanan cukai ke atas pengiklanan digital.

Pada masa yang sama, setiap kes jika berkenaan akan dinilai berdasarkan fakta kes tersendiri dalam menentukan sama ada sesuatu transaksi itu merupakan bayaran royalti atau bayaran perkhidmatan dan sama ada tertakluk kepada Cukai Pegangan, atau lain-lain kategori pendapatan. Penilaian kes meliputi kajian ke atas terma perjanjian, bentuk transaksi sebenar yang dijalankan dan lain-lain elemen yang tidak akan diperolehi secara semakan umum.

Mana-mana pembayar cukai yang mempunyai pertanyaan khusus berhubung isu pengiklanan digital ini adalah dinasihatkan supaya merujuk terus kepada Jabatan Dasar Percukaian, LHDNM. Satu panduan rasmi juga akan dimuatnaik di Portal Rasmi LHDNM dalam masa terdekat ini sebagai rujukan.

#

SEKIAN, TERIMA KASIH



Dikeluarkan oleh:

**Bahagian Komunikasi | Pejabat Ketua Pegawai Eksekutif
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia**

☎ : 03-8313 8888 samb. 21658 / 21674 | 📠 : 03-8313 7801
Hasil Care Line : 1-800-88-5436 (LHDN)
Portal Rasmi : www.hasil.gov.my

Tarikh: 29 September 2017

Kenyataan Media LHDNM, 29 September 2017